

RACETASH INFANT (Racecadotril 10mg granules for oral suspension)

RACETASH CHILDREN (Racecadotril 30mg granules for oral suspension)

Racecadotril (10mg, 30mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Racetash
2. Bagaimana Racetash berfungsi
3. Sebelum mengambil Racetash
4. Cara menggunakan Racetash
5. Semasa menggunakan Racetash
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Racetash

Racetash digunakan sebagai rawatan tambahan untuk melegakan simptom-simptom cirit-birit jangka pendek untuk bayi (lebih daripada 3 bulan) dan kanak-kanak. Ia harus digunakan dengan minum air yang secukupnya dengan diet pemakanan yang biasa apabila langkah-langkah ini sahaja tidak mencukupi untuk mengawal cirit-birit, dan apabila rawatan punca cirit-birit dijalankan.

Bagaimana Racetash berfungsi

Racetash berfungsi dengan mengurangkan rembesan cecair ke dalam usus dan menjadikan najis kurang cair.

Sebelum menggunakan Racetash

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan mengambil Racetash jika:

- Anda mempunyai alahan racecadotril atau mana-mana bahan lain ubat ini yang disenaraikan di hujung risalah ini. Anda pernah mengalami bengkak di bawah kulit semasa penggunaan ubat yang menurunkan tekanan darah seperti *ACE inhibitor* (enalapril, perindopril dsb)
- Anda hamil atau menyusui anak

Jangan mengambil sekiranya mana-mana di atas terjadi pada anda. Jika

tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan Racetash.

Berhati-hati dengan Racetash dan beritahu doktor anda jika:

- Anda sedang mengalami masalah hati atau buah pinggang
- Jika mana-mana di atas berkaitan dengan anda, doktor anda akan beritahu anda bahawa ubat Racetash selamat untuk diambil atau tidak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda baru mengambil atau mungkin mengambil apa-apa ubat lain. Ini termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi seperti ubat herba. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut:

- *ACE-inhibitor* (seperti enalapril, perindopril dsb) yang biasa digunakan untuk tekanan darah tinggi.

Cara menggunakan Racetash

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya tak pasti.

RACETASH INFANT (Racecadotril 10mg granules for oral suspension)

Ia bertujuan untuk kanak-kanak yang berat badan kurang daripada 13kg. Dos yang disyorkan adalah 1.5mg/kg (1-2 paket), 3 kali sehari. Untuk **bayi yang berat badannya kurang daripada 9kg**: satu paket 10mg tiga kali sehari. Untuk **bayi yang berat badannya 9kg hingga 13kg**: dua paket 10mg tiga kali sehari.

RACETASH CHILDREN

(Racecadotril 30mg granules for oral suspension)

Ia bertujuan untuk kanak-kanak yang

berat badan lebih daripada 13kg. Dos yang disyorkan adalah 1.5mg/kg (1-2 paket), 3 kali sehari. Untuk **kanak-kanak yang berat badannya dari 13kg hingga 27kg**: satu paket 30mg tiga kali sehari. Untuk **kanak-kanak yang berat badannya melebihi 27kg**: dua paket 30mg tiga kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Granul ini boleh digaulkan dalam makanan atau air atau botol bayi kemudian diambil dengan segera.

- Berapa lama perlu digunakan

Rawatan perlu diteruskan sehingga dua najis normal direkodkan. Tempoh pengambilan ubat Racetash tidak sepatutnya melebihi 7 hari. Sila dapatkan nasihat doktor sebelum menghentikan rawatan anda. Sekiranya anda ada soalan lanjut berkenaan kegunaan produk ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Ambil dos yang seterusnya pada masa yang ditetapkan. Jika anda bimbang mengenai ini, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Tiada kesan-kesan memudaratkan yang telah dilaporkan bagi kes terlebih dos.

Semasa menggunakan Racetash

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Minum air yang secukupnya untuk mengelakkan dehidrasi.

RACETASH INFANT (Racecadotril 10mg granules for oral suspension)

RACETASH CHILDREN (Racecadotril 30mg granules for oral suspension)

Racecadotril (10mg, 30mg)

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Racetash mengandungi sukrosa (sejenis gula). Jika anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anda tidak bertoleransi terhadap beberapa jenis gula, bincanglah dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan tidak biasa: Keradangan tonsil, ruam kulit, kemerahan, kegatalan, bengkak lidah, muka, bibir atau kelopak mata

Reaksi kulit yang serius (termasuk bawah kulit bengkak) telah dilaporkan.

Sekiranya anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang tersenarai di atas, sila berhenti mengambil Racetash dan beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Racetash

- Penyimpanan

Jauhi daripada capaian kanak-kanak. Simpan dibawah 30°C.

- Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui sisa buangan air ataupun sisa buangan rumah. Tanyalah pada ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat yang tidak lagi diperlukan. Ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk Serbuk berwarna putih hingga putih pudar diisi dalam sachet Aluminium yang dimeterai haba

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Racecadotril

- Bahan-bahan tidak aktif *Sucrose, anhydrous colloidal silica, polyvinyl pyrrolidone*

- Nombor MAL:

MAL24036017ACZ - RACETASH CHILDREN 30mg

MAL24036016ACZ - RACETASH INFANT 10mg

Pengilang

Athena Drug Delivery Solutions Pvt. Ltd.,
Plot No. A-1 to A-5, MIDC,
Chemical Zone, Ambernath (W),
Thane, 421501 Maharashtra State,
India

Pemegang Pendaftaran Produk

Synercam (M) Sdn Bhd,
A-17-7, BLOCK A, JAYA ONE,
NO. 72A, JALAN PROFESOR
DIRAJA UNGKU AZIZ, SEKSYEN
13, 46200 PETALING JAYA
MALAYSIA

Tarikh kemaskini RiMUP

28/03/2024

Nombor Siri

NPRA (R2) 23/096